

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Lawatan ke India tingkat dagangan sawit ▶ MUKA 3

Koperasi bantu tingkatkan pendapatan pekebun kecil ▶ MUKA 4



Fakta nombor

70 PERATUS insentif kos audit bagi ladang sawit berkeluasan 40.46 hektar hingga 1,000 hektar

30 PERATUS insentif kos audit ladang sawit berkeluasan melebihi 1,001 hektar

30 PERATUS insentif kos audit sektor pemprosesan

Siew Keong mengikuti taklimat berkaitan MSPO di Putrajaya.

Insentif laksana pensijilan MSPO diumumkan

➔ Insentif bagi sektor ladang dan sektor pemprosesan diumumkan oleh MPIC

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

► **Putrajaya**

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mengumumkan kerajaan bersetuju memberi insentif bagi memudahkan dan membantu mengurangkan kos mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Insentif itu bagi sektor ladang dan sektor pemprosesan termasuk kilang sawit, kilang penapis dan kilang pelumat.

Sebelum ini, kerajaan mengu-

mumkan insentif sepenuhnya disediakan bagi membantu sektor pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO.

Siew Keong berkata, insentif 70 peratus kos audit bagi ladang sawit berkeluasan 40.46 hektar hingga 1,000 hektar dan masing-masing 30 peratus bagi kos audit ladang sawit berkeluasan melebihi 1,001 hektar serta kos audit sektor pemprosesan termasuk kilang sawit, kilang penapis dan kilang pelumat, disediakan kerajaan bagi pihak industri memperoleh sijil MSPO.

Pengumuman insentif tambahan itu dibuat ketika sesi dialog beliau dengan wakil syarikat perladangan sawit berkaitan pelaksanaan pensijilan MSPO pada akhir September lalu, di sini.

Lebih 120 wakil industri sawit negara yang menghadiri sesi dialog berkenaan turut diberi taklimat mengenai ciri utama skim pensijilan MSPO termasuk piawaian dan garis panduan serta prosedur pensijilan.

Pada sesi dialog berkenaan, disebalik kebimbangan yang dibangkitkan, pihak industri tetap bersedia memberi sokongan terhadap usaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) memudahkan pelaksanaan MSPO.

245,381 hektar kawasan terima sijil Sehingga Ogos lalu, jumlah kawasan ditanam yang memperoleh pensijilan MSPO ialah 245,381 hektar.

Kawasan yang diperakui adalah

sebanyak 237,509 hektar di bawah syarikat perladangan; 3,868 hektar ditanam sawit oleh pekebun kecil tersusun dan 4,004 hektar diusahakan pekebun kecil persendirian.

Selain itu, sejumlah 22 kilang juga sudah disahkan mempunyai sijil MSPO.

Siew Keong berkata, kerajaan komited memastikan minyak sawit Malaysia akan diterima dan diiktiraf di pasaran antarabangsa melalui pelaksanaan pensijilan MSPO serta penyertaan pihak industri penting bagi mencapai matlamat itu.

Sesi dialog itu turut dihadiri Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk K Yogevaran.

Pekebun kecil adalah antara penggiat utama industri sawit negara dengan sumbangan 40% daripada kawasan tanaman sawit seluas 5.74 juta hektar.

Oleh yang demikian, perancangan dan usaha kerajaan untuk membangunkan industri sawit dari aspek pengeluaran, penghasilan minyak sawit berkualiti dan kemampuan perlu melibatkan pekebun kecil yang berjumlah 650,000 orang.

Mengikut takrifan, pekebun kecil adalah pemilik tanah yang mengusahakan kebun sawit di bawah 40 hektar atau 100 ekar. Kebanyakannya mempunyai kemampuan kewangan yang terhad bagi mengusahakan kebun secara terancang sebagaimana yang mampu dilaksanakan oleh pemilik ladang.

Namun perkembangan globalisasi dan teknologi yang pesat telah merubah cara industri sawit berurus niaga dan persaingan pasaran yang membawa peningkatan produk berkualiti yang dihasilkan secara mampan.

Pekebun kecil tidak terkecuali daripada perkembangan global sektor minyak dan lemak. Seperti industri pertanian di negara lain termasuk negara maju, pekebun kecil perlu sokongan agar pencapaian mereka setanding dengan pengusaha yang lebih besar.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan MPOB sebagai agensi yang berperanan dalam pembangunan industri sawit negara memberi tumpuan penting untuk meningkatkan keupayaan pekebun kecil bagi peningkatan hasil melalui amalan mampan dan menjaga pendapatan tinggi.

Sebagai langkah meningkatkan taraf hidup pekebun kecil sawit persendirian, kerajaan melalui kementerian telah mengambil inisiatif menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) bagi penglibatan pe-

kebun kecil dalam gerakan koperasi.

Penubuhan KPSM bertujuan menyatukan pekebun kecil bagi menjalankan aktiviti ekonomi melalui Amalan Pertanian Baik dan menjalankan aktiviti jualan buah sawit secara berkelompok terus ke kilang.

Kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM1.12 juta bagi penubuhan KPSM di seluruh negara. Dana sebanyak RM200,000 juga disalurkan melalui MPOB bagi pembinaan Pusat Timbang Buah Tandan Segar (BTS) yang dikendalikan oleh KPSM.

Sebanyak 41 buah KPSM telah ditubuhkan di seluruh negara termasuk 16 di Semenanjung, 14 di Sarawak dan 11 di Sabah. Sebanyak 25 buah KPSM di seluruh negara telah memulakan jualan kelompok buah tandan segar (BTS) terus ke kilang. KPSM yang melaksanakan jualan terus BTS ke kilang mencatatkan peningkatan harga jualan oleh pekebun kecil berbanding jualan melalui peniaga buah sawit.

Sementara itu, MPIC dan MPOB juga giat menjalankan siri jelajah bagi memberi penerangan mengenai keperluan guna tenaga dan inisiatif kerajaan dalam melahirkan pekerja mahir dan separa mahir di sektor komoditi sawit.

Industri sawit terutama sektor perladangan melibatkan bilangan guna tenaga yang besar dan negara terpaksa bergantung kepada tenaga kerja asing. Bagi mengurangkan tenaga kerja asing, kerajaan perlu mencari penyelesaian untuk jangka masa panjang.

Justeru bagi meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat dan industri, kementerian melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) dan MPOB bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia menganjurkan siri jelajah menerangkan mengenai latihan kemahiran dan amalan mekanisasi di sektor perladangan sawit.

Empat siri jelajah telah dianjurkan masing-masing dua di Sabah dan Sarawak dan siri jelajah terakhir diadakan di Teluk Intan, Perak pada hari ini, 7 Oktober 2017. Melalui siri penerangan ini, diharap pihak terlibat industri sawit dan orang ramai memperoleh pengetahuan agar lebih berminat menceburi sektor komoditi sawit.

kushairi@mpob.gov.my



MINDA
Dr Ahmad
Kushairi Din

Ketua Pengarah
MPOB



Siew Keong ketika merasmikan Agri Malaysia 2017 di Shah Alam, baru-baru ini.

Teknologi makanan ayam isirung sawit dikomersialkan

➔ Kurangkan import jagung untuk makanan ternakan

Oleh Fadzil Ghazali dan Asyraf Hussin
afadzilg@mpob.gov.my; asyrafhussin@mpob.gov.my

➔ Shah Alam

Sumbangan industri minyak isirung sawit kepada sektor ternakan sudah berkembang berikutan perkembangan inovasi dan teknologi.

Jika dahulu hasil sampingan industri ini iaitu dedak isirung sawit (PKC) hanya bersesuaian menjadi sumber makanan ternakan ruminan seperti lembu dan kambing kerana kandungan serat terlalu tinggi, kini teknologi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya menurunkan kadar serat dalam PKC ke tahap sesuai untuk makanan ayam.

“Dengan penggunaan teknologi MPOB, kini kita mampu menghasilkan PKC mengandungi protein tinggi dan sesuai untuk diadun bersama komponen lain dalam menghasilkan makanan ayam,” kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong

ketika melancarkan Pameran Teknologi Pertanian Antarabangsa Malaysia (Agri Malaysia 2017), di sini, baru-baru ini.

Sebelum perkembangan ini, keanginan besar untuk industri pertanian dan ternakan membangun dengan pesat adalah kos makanan haiwan yang juga 25 peratus daripada kos menghasilkan haiwan ternakan.

Kos import jagung RM2.81 bilion

Bahan utama dalam makanan haiwan adalah jagung yang diimport dari Argentina dan Brazil. Tahun lalu sahaja, Malaysia mengimport jagung dari Argentina dan Brazil masing-masing bernilai RM1.17 bilion dan RM1.64 bilion untuk menampung sektor pengilangan makanan haiwan tempatan.

Selama bertahun-tahun industri minyak isirung membantu sektor pengeluaran makanan haiwan ternakan ini, namun ia terhad kepada penghasilan makanan lembu.

Aktiviti melumat isirung sawit untuk menghasilkan minyak isirung sawit (PKO) turut mengeluarkan hasil sampingan iaitu PKC yang digunakan sebagai komponen untuk membuat makanan haiwan ternakan.

Sehingga kini, terdapat 45 kilang pelumat isirung sawit beroperasi di Malaysia dan menghasilkan PKC. Tahun lalu, Malaysia menghasilkan 2.17 juta tan PKC.

Berdasarkan kajian MPOB, penggunaan PKC dalam menghasilkan ma-

kandan ternakan adalah setinggi 25 peratus untuk ayam dan sehingga 90 peratus untuk lembu.

Siew Keong berkata, sektor pertanian adalah tunggak penting ekonomi negara yang menghasilkan eksport bernilai RM134.7 bilion dengan 91 peratus atau RM122 bilion adalah komoditi utama dan produk berasaskan komoditi.

Sehingga kini, seluas 6.91 juta hektar keluasan tanah negara adalah ladang sawit, getah, koko dan kenaf.

Beliau berkata, sektor pertanian terutama produk berasaskan makanan mempunyai potensi besar memandangkan pertumbuhan penduduk dunia akan meningkat daripada 7.4 bilion pada tahun ini kepada 8.5 bilion menjelang 2030.

“Ini pastinya akan merangsang permintaan produk makanan pada masa depan. Pengeluar produk makanan tempatan seharusnya meningkatkan pelaburan dan kapasiti masing-masing untuk mengambil kesempatan daripada peluang ini,” katanya.

Menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), kerajaan sudah memperkenalkan strategi mikro untuk subsektor agro-makanan dalam usaha membangunkan industri ini.

Strategi ini memberi tumpuan kepada meningkatkan pendapatan, terutama petani dan penternak.

Siew Keong berkata, ini dapat dilaksanakan dengan memodenisasi subsektor agro-makanan dengan pembabitan inovasi dan mekanisasi.

Lawatan ke India tingkat dagangan sawit

➔ Eksport minyak sawit pada 2016 berjumlah RM32.01 bilion

Oleh Dr Nagendran Bala Sundram
nagen@mpob.gov.my

► India

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong melakukan lawatan kerja dua hari ke India, iaitu di New Delhi dan Mumbai pada pertengahan bulan lalu bertujuan mempromosi serta meningkatkan penggunaan minyak sawit Malaysia di negara itu.

Beliau turut menghargai sokongan Kerajaan India yang berterusan dari segi dagangan dua hala terutama import minyak sawit dan produk sawit keluaran Malaysia.

"India adalah rakan dagangan

penting bagi Malaysia", katanya.

Selain itu, beliau turut mengambilib peluang berkenaan bagi mempromosi pengambilan minyak sawit ketika bulan perayaan Deepavali yang akan mencetuskan peningkatan terhadap permintaan minyak dan lemak yang boleh dimakan.

Mesyuarat dua hala

Ketika lawatan kerja ini, Siew Keong turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan Menteri Perdagangan dan Industri India, Suresh Prabhu; Timbalan Menteri Pertanian India, Gajendra Singh Shekhawat dan Menteri Belia dan Sukan India, Kol Rajyavardhan Singh Rathore.

Ketika mesyuarat dua hala dengan Suresh Prabhu, Siew Keong menyatakan kebimbangan beliau terhadap kenaikan duti import minyak sawit yang diumumkan Kerajaan India pada Ogos lalu.

Namun, beliau menegaskan pentingnya India dan Malaysia terus bekerjasama meningkatkan penggunaan minyak sawit yang dapat memanfaatkan industri pembuat produk makanan dan bukan

makanan di negara berkenaan.

India adalah pengimport terbesar minyak dan lemak di dunia serta import negara itu menyumbang kepada hampir 18 peratus jumlah import sedunia minyak dan lemak.

Dalam hubungan ini, Siew Keong dan Gajendra Singh bersetuju Malaysia dan India masih dapat meningkatkan perdagangan produk pertanian, termasuk produk sawit.

Bangun pensijilan MSPO

Siew Keong juga memaklumkan skim pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) sudah dibangunkan untuk memastikan minyak sawit dihasilkan secara mampan, selamat dan berkualiti, selain membantu pekebun kecil di Malaysia.

Beliau menggalakkan Kerajaan India mengiktiraf skim MSPO supaya India juga dapat menyumbang terhadap promosi pengimportan minyak sawit mampan yang dihasilkan Malaysia.

Kedua-dua menteri juga mengambil maklum yang India sedang membangunkan garis pan-



Siew Keong menyampaikan ucapan utama pada persidangan GlobOil India 2017

duan kemampunan industri sawit tempatan.

Ketika mesyuarat di New Delhi, Siew Keong menjelaskan pentingnya Malaysia dan India meneruskan hubungan perdagangan dua hala yang sudah lama wujud di antara kedua-dua negara.

Katanya, India adalah rakan dagang kelima penting kepada Malaysia dan jumlah nilai eksport Malaysia ke India mencecah RM32.01 bilion pada tahun lalu.

Selain itu, beliau memaklumkan India adalah pasaran minyak sawit dan produk sawit yang terpenting bagi Malaysia, malah nilai eksport minyak dan produk sawit Malaysia ke India pada tahun lalu ialah RM8.32 bilion yang menyumbang kepada lebih 25 peratus jumlah nilai eksport Malaysia ke negara

berkenaan.

Dalam mesyuarat dengan Rajyavardhan Singh pula, kedua-dua menteri bersetuju terdapat potensi memperkukuhkan kerjasama dua hala di antara kedua negara memandangkan kedua-dua pihak mempunyai kekuatan masing-masing dalam lapangan sukan.

Sempena lawatan berkenaan, Siew Keong turut menyampaikan ucapan utama pada persidangan GlobOil India 2017 yang berlangsung di Mumbai. Persidangan GlobOil dianjurkan sejak tahun 1997 dan kini ia antara persidangan ulung bagi industri minyak sayuran, bijian minyak dan sektor minyak makanan di rantau Asia Selatan.

GlobOil 2017 disertai lebih 1,750 peserta yang terbabit dalam sektor minyak dan lemak.

Menteri turun padang lawat pekebun kecil Hilir Perak

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Teluk Intan: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong meluangkan masa melawat satu daripada kebun projek Kelompok Penanam Sawit Mampam (SPOC) Hilir Perak, kira-kira 10 kilometer dari sini, baru-baru ini.

Pada lawatan itu, beliau diberi taklimat mengenai SPOC Hilir Perak oleh pegawai Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), selain berpeluang mencuba alat penuai buah sawit, Cantas Elektrik yang juga inovasi terkini oleh MPOB.

SPOC dilancarkan pada 2009 membabitkan penyertaan pekebun sawit persendirian. Penubuhan SPOC disertai 1,000 hingga 2,000 pekebun kecil ditadbir dan diurus pegawai TUNAS MPOB.

Dua aktiviti penting SPOC ialah proses mendapat Pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) dan penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampam (KPSM) untuk menjaga kepentingan pekebun kecil.

Siew Keong berkata, pensijilan MSPO adalah penting bagi memastikan minyak sawit Malaysia dapat menembusi pasaran yang sensitif terhadap kemampunan dan alam sekitar, terutama di negara maju.

Objektif penubuhan SPOC untuk

meningkatkan pengeluaran minyak sawit secara mampan melalui pelaksanaan pensijilan MSPO dan peningkatan pendapatan pekebun kecil melalui KPSM.

Sehingga 31 Ogos lalu, 20 SPOC diberikan sijil di seluruh Malaysia iaitu 11 di Semenanjung, lima di Sarawak dan empat di Sabah.

1,034 diberi sijil

Bilangan pekebun kecil diberikan sijil 1,034 orang dengan keluasan 4,161 hektar. Di Perak, dua SPOC sudah disijilkan ialah SPOC A5 (Durian Sebatang dan Sungai Durian) serta SPOC A16 (Selama).

Bagi daerah Teluk Intan, lima SPOC dikenal pasti dengan jumlah pekebun kecil 10,609 merangkumi keluasan 27,960 hektar.

Hingga kini, hanya satu SPOC mendapat pensijilan mampan iaitu SPOC A5 (Durian Sebatang dan Sungai Durian) yang dianggotai 40 pekebun kecil dengan keluasan sawit 90.23 hektar.

Pada tahun lalu, Malaysia yang juga pengeluar kedua terbesar dunia sudah mengeksport produk sawit bernilai RM67.6 bilion dan menyumbang 8.6 peratus daripada keseluruhan eksport barangan negara.

Setakat ini, tanaman sawit seluas 5.74 juta hektar merangkumi kawasan milik pekebun kecil yang mana hampir 40 peratus daripada



Siew Keong bersama pekebun kecil yang menyertai SPOC Hilir Perak.

tanaman ini diusahakan golongan terbabit.

Selain itu, industri sawit juga banyak menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Bagi kawasan Teluk Intan, tanaman sawit seluas 108,538 hektar diusahakan kira-kira 10,000 pekebun kecil sawit.

Bagi membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Negara (MPOB) mewujudkan SPOC Hilir Perak di kawasan ini.

Pensijilan MSPO dilaksanakan secara mandatori menjelang 31 Dis-

ember 2019. Ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula hujung tahun depan untuk syarikat perladangan sawit yang mempunyai pensijilan Meja Bulat Minyak Sawit Mampam (RSPO); pertengahan 2019 untuk syarikat sawit tanpa RSPO dan akhir 2019 untuk pekebun kecil persendirian.

Ini bermakna bermula 2020, semua minyak sawit Malaysia adalah dihasilkan secara mampan melalui pensijilan MSPO.

Kerajaan menyediakan bantuan bagi pelaksanaan pensijilan MSPO kepada pekebun kecil membabitkan aspek latihan berkaitan pensijilan mampan MSPO, yuran audit pensijilan MSPO dan penyediaan

peralatan perlindungan keselamatan diri.

Pensijilan MSPO ini akan memastikan harga buah tandan segar (BTS) yang lebih telus untuk pekebun kecil yang melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP), seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti BTS.

Pematuhan pensijilan ini juga memastikan persekitaran kerja selamat dan kondusif, meningkatkan kesedaran mengenai perlindungan alam sekitar, meningkatkan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sekitar dan mendapat khidmat nasihat teknikal secara percuma oleh pegawai TUNAS MPOB.

Dagangan Malaysia, Vietnam dijangka cecah AS\$15 bilion

➔ Lawatan kerja ke Hanoi perkukuh kerjasama sektor pertanian, komoditi

Oleh **Nor Asliza Semiran**
norasliza@mpob.gov.my

► Hanoi

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berharap dagangan dua hala antara Malaysia dan Vietnam mencecah AS\$15 bilion menjelang 2020 terutama dalam sektor pertanian serta komoditi.

Beliau berkata demikian ketika pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Vietnam, Nguyen Xuan Cuong sempena lawatan kerja ke Vietnam baru-baru ini.

Lawatan kerja itu disasar dapat memperkukuhkan hubungan kerjasama dua hala dalam sektor komoditi minyak sawit, getah dan lada di antara kedua-dua negara.

Turut serta mengiringi Siew Keong dalam lawatan itu adalah Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis

Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dr Kalyana Sundram dan pegawai kanan Lembaga Getah Malaysia (MRB), Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) serta Lembaga Lada Malaysia (MPB).

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak yakin perdagangan dua hala dalam sektor pertanian dan komoditi akan menjadi kunci utama bagi merealisasikan matlamat meningkatkan nilai dagangan kepada AS\$15 bilion menjelang tahun 2020.

Teroka peluang kerjasama

Kedua-dua negara juga bersetuju menerokai peluang kerjasama dalam sektor hiliran bagi penghasilan produk berasaskan komoditi seperti sawit, getah dan lada yang berkualiti dan bernilai tinggi.

Sesi dialog turut diatur bagi mendapatkan maklum balas daripada penggiat industri minyak dan lemak utama di Vietnam serta kumpulan ahli perniagaan Malaysia Vietnam (Malaysia Business Chamber Vietnam) mengenai langkah perlu diambil untuk meningkatkan eksport minyak sawit Malaysia ke Vietnam.

Sesi dialog berjaya menarik penyertaan 40 wakil daripada Cai Lan Oils & Fats Industries Co.Ltd (Calofic), Golden Hope Nha Be, Min Hue Trading dan An Long JSC serta ahli Malaysia Business Chamber Vietnam, selain kehadiran wakil industri Malaysia seperti FGV, Agri Asia serta Sime Darby Plantation Sdn Bhd.



Siew Keong dan Nguyen Xuan Cuong (lima dari kanan) bersama delegasi Malaysia pada pertemuan dua hala di Hanoi, Vietnam.

“Malaysia adalah pembekal utama minyak sawit dan barangan berasaskan sawit di Vietnam berikutan kualitinya yang tinggi dan harganya kompetitif.

“Malaysia memberi jaminan bahawa hanya produk minyak sawit berkualiti tinggi akan dibekalkan ke Vietnam, selain kita akan terus memberikan khidmat nasihat teknikal dan sokongan kepada pemain industri di Vietnam,” kata Siew Keong ketika menyampaikan ucapan utama pada sesi dialog berkenaan.

Beliau berharap sektor swasta di kedua-dua negara saling bekerjasama membentuk rangkaian perniagaan dalam meningkatkan perdagangan minyak sawit di antara

Malaysia dan Vietnam.

Program lawatan turut diselitkan dengan kunjungan ke kilang Golden Hope Nha Be di Bandar Ho Chi Minh. Kilang Golden Hope Nha Be yang berkeluasan 26,300 meter persegi adalah syarikat usaha sama di antara Sime Darby Plantation Sdn Bhd dan Vietnam Vegetable Oils Industry Corporation (Vocorimex).

Ia mengeluarkan minyak olein, minyak kacang soya, minyak masak campuran, shortening dan butter oil substitute.

Ketua Pegawai Eksekutif Golden Hope Nha Be, Dominic Xavier yang menyambut ketibaan delegasi Malaysia berharap eksport minyak sawit dan barangan berasaskan sa-

wit dari Malaysia dapat dipertingkatkan kerana ekonomi Vietnam dijangka berkembang pesat pada masa depan.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, perolehan dagangan bagi komoditi dan barangan berasaskan komoditi antara Malaysia dan Vietnam meningkat 27 peratus kepada RM2.8 bilion berbanding jumlah direkodkan bagi tempoh sama pada tahun lalu.

Eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit bagi tempoh Januari hingga Julai lalu adalah 418,591 tan dan menyumbang RM1.2 bilion kepada hasil pendapatan negara, iaitu meningkat 28 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Koperasi bantu tingkat pendapatan pekebun kecil

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

Lawas: Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) ditubuhkan kerajaan bagi menyatukan pekebun kecil menjalankan aktiviti ekonomi melalui amalan baik dan jualan buah sawit secara berkelompok terus ke kilang bagi membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, berkata kerajaan menyediakan peruntukan RM1.12 juta atau RM40,000 bagi menubuhkan sebuah KPSM di seluruh negara.

“Sehingga Ogos lalu, sebanyak 41 KPSM berjaya ditubuhkan di seluruh negara termasuk 14 di Sarawak,” katanya ketika berucap merasmikan Pusat Timbang KPSM Daerah Lawas di sini, baru-baru ini.

Datu Nasrun berkata, sebanyak

25 KPSM di seluruh negara sudah memulakan jualan kelompok buah tandan segar (BTS) terus ke kilang.

Beliau berkata, di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan dana sebanyak RM200,000 yang disalurkan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi pembinaan pusat timbang BTS dikendalikan KPSM.

“Penubuhan koperasi juga adalah antara aktiviti di bawah Kelompok Sawit Mampan (SPOC) bertujuan menghasilkan minyak sawit secara mampan, selain meningkatkan produktiviti dan kualiti BTS.

Program pensijilan mampan

“Pengeluaran sawit secara mampan akan dicapai melalui program pensijilan mampan yang dilaksanakan agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

“Bagi memastikan pensijilan



Datuk Datu Nasrun berucap pada perasmian pusat timbang KPSM Lawas.

mampan dilaksanakan pihak industri termasuk pekebun kecil, kerajaan mengumumkan pelaksanaan secara mandatori Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) kepada pekebun sawit pada 31 Disember 2019 bagi meningkatkan pengeluaran minyak sawit mampan untuk jangka panjang dan jaminan pasaran di luar negara”, katanya.

MSPO adalah skim pensijilan

yang dibangunkan kerajaan bagi memastikan industri dan pekebun kecil sawit mematuhi keperluan digariskan untuk menghasilkan minyak sawit mampan.

Antara kelebihan skim pensijilan MSPO adalah harga BTS yang lebih telus kepada pekebun kecil, selain meningkatkan produktiviti dan kualiti buah sawit.

Skim pensijilan MSPO juga dapat meningkatkan kesedaran pekebun

kecil mengenai perlindungan alam sekitar dan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat.

“Bagi mencapai matlamat pensijilan MSPO menjelang tahun 2020, kerajaan menyediakan bantuan kepada pekebun kecil menerusi dana RMKe-11.

“Peruntukan dana kepada pekebun kecil dalam bentuk yuran pensijilan, latihan berkaitan MSPO dan peralatan perlindungan keselamatan diri (PPE),” katanya.

Majlis berkenaan turut dihadiri Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi yang juga Ahli Parlimen Lawas, Datuk Henry Sum Agong serta Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

Pada majlis itu, KPSM Lawas Berhad turut menerima Geran Bantuan Pembangunan bernilai RM50,000 dan Tabung Pembiayaan Suntikan Modal Koperasi berjumlah RM100,000 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

FIRCA teroka kerjasama bidang sawit

➔ Kongsi kejayaan MPOB selaku organisasi urus industri sawit Malaysia

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) baru-baru ini menerima kunjungan daripada Interprofessional

Fund for Agricultural Research and Consultancy (FIRCA) yang juga badan bertanggungjawab memberi dana dalam bidang pertanian dan penternakan di Ivory Coast.

Delegasi diketuai Pengarah Eksekutif dan Penasihat Teknikal FIRCA, Ndiaye Oumar itu disambut Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din, bersama-sama Timbalannya, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir di Ibu Pejabat MPOB.

Dalam kunjungan tersebut itu, Dr Kushairi berkongsi mengenai latar belakang MPOB selaku organisasi yang berperanan signifikan dalam industri sawit di Malaysia terutama dalam aspek penyelidikan sawit.

Beliau menekankan penyelidikan MPOB adalah menyeluruh membabitkan pencarian solusi dalam mengatasi masalah dihadapi industri termasuk kekurangan tenaga kerja yang berpotensi diatasi melalui ciptaan teknologi baharu dalam mekanisasi perladangan.

Hasrat utama lawatan itu adalah menjurus kepada perkongsian intensif mengenai teknologi penuaian buah sawit bermotor dikenali sebagai Cantas.

Sehubungan itu, delegasi diberi penerangan ringkas mengenai teknologi Cantas melalui taklimat di-



Dr Ahmad Kushairi bersalaman dengan delegasi FIRCA Ivory Coast.

sampaikan Ketua Unit Mekanisasi MPOB, Abdul Rahim Shuib.

Mesin penuai tandan sawit bermotor

Cantas adalah mesin penuai tandan sawit bermotor yang dikuasakan oleh bahan api petrol diperkenalkan MPOB.

Teknologi ini didatangkan dengan mata berbentuk sabit dan pahat serta menggunakan daya tujahan dan getaran ringan yang dikenakan ke atas tandan sawit bagi memisahkannya dengan batang pokok.

Sejak dikomersialkan pada tahun 2007, Cantas dianugerahkan tiga paten oleh MyIPO, MY-149538-A, MY-136496-A dan MY 06-01022 atas kecekapan dan tahap keber-

kesan teknologi berkenaan bagi mengatasi isu kritikal kekurangan tenaga buruh dalam industri perladangan sawit.

Dalam pertemuan itu, delegasi didedahkan dengan perbandingan penggunaan Cantas dalam sektor perladangan dengan penuaian menggunakan kaedah manual bagi memberikan gambaran jelas tahap kemampuan teknologi ini membantu mempercepatkan proses penuaian sawit.

Pencapaian MPOB dalam mengkomersialkan teknologi dihasilkan memacu kepada pembaharuan dan inovasi baharu dalam produk penyelidikan sedia ada seiring kehendak industri pada masa kini.

Dengan itu, MPOB mula memperkenalkan Cantas yang lebih ri-

ngan dan lebih tahan lasak dikenali sebagai Cantas Evo yang memasuki pasaran sejak 2014. Terkini, Cantas versi baharu menggunakan teknologi bateri mula diperkenalkan sebagai inovasi terbaru daripada Cantas edisi lalu yang menggunakan bahan api petrol.

Justeru, dalam memacu perkembangan industri sawit, MPOB komited menghasilkan teknologi yang versatil dan mempunyai nilai komersial tinggi mengikut permintaan industri.

Sehingga 2017, MPOB sudah menghasilkan lebih 600 teknologi merangkumi kaedah dan sistem pengurusan ladang, mekanisasi ladang, perlindungan tanaman, bioteknologi dan pelbagai lagi.

B10, syarikat pengangkutan perlu komited

Oleh Nursyairah Jalil
nursyairah@mpob.gov.my

Bangi: Syarikat pengangkutan diseru menggunakan biodiesel B10 yang memiliki adunan 10 peratus diesel sawit dengan 90 peratus diesel petroleum secara percubaan sebagai persediaan bagi pelaksanaan program B10.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam forum bersama Persatuan Biodiesel Malaysia (MBA), berkata interaksi bersama pengeluar biodiesel Malaysia diadakan secara berterusan dari semasa ke semasa bagi membincangkan pelan pelaksanaan Program Biodiesel negara serta perkara berkaitan industri biodiesel seperti permintaan dan bekalan bagi eksport, pematuan piawaian antarabangsa, kualiti serta lain-lain.

Sebagai persediaan pelaksanaan program biodiesel B10 pada sektor pengangkutan, MPOB menjelaskan beberapa siri sesi perundingan dengan pihak berkepentingan seperti syarikat pengeluar dan pengedar kenderaan (original equipment manufacturers - OEM), syarikat

petroleum, Malaysian Automotive Association (MAA), MBA, agensi kerajaan berkaitan seperti Malaysia Automotive Institute (MAI), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain sudah diadakan.

Pendekatan perbincangan berasaskan mengikut kepentingan kumpulan sasaran bertujuan membincang dan memberi penjelasan berhubung kebimbangan penggunaan biodiesel B10 dari aspek kesesuaian enjin, pemberian lanjutan jaminan enjin, penyelenggaraan, kos dan lain-lain.

MPOB turut mendapatkan pengesahan bertulis daripada OEM berhubung kesesuaian enjin terhadap penggunaan B10.

Forum dihadiri 35 wakil daripada kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) serta pengeluar biodiesel Malaysia.

MPOB turut menyatakan kejayaan pelaksanaan program biodiesel di negara lain seperti Indonesia, Colombia, Minnesota dan Illinois adalah percubaan lapangan sebenar membuktikan bio-



Ahli MBA yang menghadiri forum industri anjuran MPOB.

diesel B10 dan B20 tidak menimbulkan sebarang risiko teknikal kepada pengguna.

MPOB kini dalam usaha memperoleh laporan rasmi berkenaan program biodiesel di negara berkenaan sebagai persediaan pelaksanaan program B10 pada ma-

sa depan.

Penggunaan biodiesel B10

Pada masa ini, MPOB sedang menjalankan projek penggunaan biodiesel B10 dengan syarikat pengangkutan bagi memberi keyakinan bahawa penggunaan biodiesel B10

tidak mendatangkan masalah pada enjin dan isu lain berkaitan.

MPOB turut mengalu-alukan pembabitan MBA secara tidak langsung dengan memperkenalkan syarikat pengangkutan biodiesel untuk terbabit dalam projek penggunaan biodiesel B10.



Mesin Cantas Elektrik ini ternyata lebih efisien dan menjimatkan kos berbanding mesin berkuasa petrol yang diperkenalkan sebelum ini

Razak Jelani,
Ketua penyelidik MPOB

Cantas Elektrik lebih ringan, efisien dan jimat kos

➔ Inovasi baharu MPOB kurangkan kebergantungan buruh asing

Oleh Nur Affifah Baharim
affifah@mpob.gov.my

Pada 2016, industri sawit mencatatkan nilai eksport dan menyumbang kepada pendapatan negara sebanyak RM67.6 bilion.

Bagaimanapun, industri ini ternyata terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing dalam aktiviti perladangan. Berdasarkan statistik terbaru Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), kira-kira 340,000 pekerja asing terbabit secara langsung dan tidak langsung dalam industri sawit negara.

Sejajar saranan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong yang mahukan kebergantungan terhadap pekerja asing dikurangkan dalam sektor perladangan, MPOB terus mengorak langkah dengan memperkenalkan inovasi baharu atau mekanisasi perladangan terkini yang dapat mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing selain dapat meningkatkan produktiviti ladang sawit dan menambah pendapatan.

Mengandakan hasil produktiviti Tuaeian efisien dapat dicapai melalui dua langkah iaitu, alat tuaian yang

cepat dan juga memiliki tenaga penuai yang mencukupi. Kesulitan dalam mendapatkan tenaga kerja yang mahir menyebabkan peladang mula mencari alat tuaian efisien yang dapat mengandakan hasil produktiviti bagi menampung pengurangan kebergantungan ke atas tenaga kerja asing.

Justeru, beberapa tahun lalu, MPOB memperkenalkan mesin tuaian buah sawit yang dikenali sebagai Cantas Evo untuk tuaian pokok sawit berketinggian tujuh meter.

Ketika mula diperkenalkan mesin Cantas Evo ini beroperasi menggunakan kuasa petrol dan mesin ini terbukti dapat mengandakan hasil tuaian berbanding menggunakan alat tuaian manual seperti sabit dan galah.

Jimat kos, mesra alam

Bagaimanapun, beberapa masalah timbul apabila mesin Cantas Evo berkuasa petrol ini diperkenalkan. Antaranya, peladang berdepan dengan masalah kenaikan harga petrol dan peralatan gantian untuk mesin Cantas Evo yang agak mahal di pasaran.

Selain itu, mesin Cantas Evo berkuasa petrol ini tidak mesra alam dan mengeluarkan asap yang berbahaya buat masyarakat dan alam sekitar.

Lantas penyelidik MPOB yang diketuai oleh Razak Jelani mula mencari inisiatif baharu dalam menghasilkan mesin cantas yang lebih efisien, menjimatkan kos dan mesra alam. Maka terhasilah mesin Cantas Elektrik berkuasa bateri seperti yang dapat dilihat kini.

Berdasarkan ujian makmal yang dilakukan, mesin Cantas Elektrik ini

ternyata mampu bertahan selama tiga jam pada kadar 1.22V/perjam.

Menurut Razak Jelani, mesin Cantas Elektrik ini ternyata lebih efisien dan menjimatkan kos berbanding mesin Cantas Evo berkuasa petrol yang diperkenalkan sebelum ini.

Bagi mengatasi masalah ini, antara mekanisasi terkini yang dicipta oleh MPOB, termasuk Cantas Elektrik berkuasa bateri yang lebih efisien dan menjimatkan kos berbanding mesin Cantas yang dicipta sebelum ini.

Selain itu, mesin Cantas Elektrik berkuasa bateri ini juga mempunyai kuasa sebanyak 20volt dan mampu berfungsi selama tiga jam tanpa henti dan dapat menuai kira-kira 200 tandan pokok sawit.

Disamping itu, disebabkan mekanisasi operasinya yang agak ringkas dan tidak rumit, pekebun kecil dapat menjimatkan kos operasi kerana alat gantian lebih murah dan tahan lama. Malah, mesin Cantas Elektrik ini juga dapat menjimatkan kos penuaian sekurang-kurangnya sehingga RM1,000 setahun menurut Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Khusairi Din.

Mesin Cantas Elektrik yang mencapai ketinggian 7 meter dan hanya seberat 7.6 kilogram memudahkan kerja-kerja penuaian dapat dijalankan.

Sasar pasaran tahun hadapan

Selain itu, berbanding mesin Cantas Evo, mesin Cantas Elektrik ini kurang getaran, tidak bising dan lebih mudah diselenggara dan alat gantian yang lebih tahan lama.

Beliau berkata, sebelum ini MPOB memperkenalkan mesin Cantas Evo



Penggunaan mesin Cantas Elektrik lebih ringan dan efisien.

PIPOC 2017

MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS & EXHIBITION

TREASURING THE PAST CHARTING THE FUTURE

14-16 NOVEMBER 2017
Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure you will be one of them

THE PREMIERE OIL PALM EVENT IS BACK

For more information, please contact:
pipoc2017@mpob.gov.my
or visit MPOB website at
www.mpob.gov.my

Maklumat khasiat sawit disebar kepada pengamal perubatan

→ Seminar ketengah topik khasiat pemakanan minyak sawit, kelebihan fitonutrien

Oleh Nor Asliza Semiran
norasliza@mpob.gov.my

► Serdang

Seramai 230 peserta dalam kalangan pengamal perubatan menyertai seminar berkaitan kebaikan dan khasiat minyak sawit yang diadakan sempena Mesyuarat Agung Khas

Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM) di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, baru-baru ini.

Seminar berkenaan menegenahkan topik berkaitan khasiat pemakanan minyak sawit dan kelebihan fitonutrien yang terkandung dalam minyak sawit.

Seramai tiga pembentang kertas kerja yang juga pakar dalam bidang masing-masing turut menjayakan seminar ini.

Peluang interaksi dengan pengamal perubatan ini digunakan sepenuhnya oleh Pengarah Pembangunan Produk dan Khidmat Naisihat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Rosidah Radzian, terutama bagi menerangkan kepentingan industri sawit dalam menjana pendapatan negara, kegunaan minyak sawit yang serba boleh serta memperbetulkan persepsi negatif terhadap minyak sawit dengan membekalkan mak-

lumat tepat berhubung pemakanan minyak sawit.

Selain itu, kertas pembentangan oleh Ketua Unit Pemakanan MPOB, Dr Kangarani Selvaduray, pula lebih menekankan hasil penyelidikan minyak sawit yang dijalankan MPOB bersama pusat penyelidikan terulung luar negara seperti Kings College London dan Ohio State University.

Minyak sawit bebas kolesterol

Beliau menjelaskan, hasil penyelidikan itu berjaya membuktikan minyak sawit adalah seimbang, membekalkan tenaga, bebas kolesterol dan asid lemak serta kaya dengan fitonutrien seperti karotenoid dan vitamin E.

Minyak sawit akan bertindak seperti lemak tidak tepu dalam badan dan tidak memberikan impak kepada paras kolesterol, sekali gus menjadikan minyak sawit pilihan yang baik setanding dengan mi-



Peserta mendengar penerangan mengenai produk sawit yang dipamerkan MPOB.

nyak zaitun.

Sementara itu, Profesor Kehormat di Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Yuen Kah Hay turut mengambil peluang ini untuk menerangkan lebih terperinci mengenai kebaikan fitonutrien yang terkandung dalam minyak sawit.

Katanya, dalam aplikasi makanan, minyak sawit bukan saja mempunyai ciri minyak penggorengan yang bagus, malah ia juga sumber pelbagai fitonutrien yang baik untuk kesihatan seperti vitamin E, karotena, fitosterol, fosfolipid, Q en-

zyme (Q10) dan polifenolik.

Kebanyakan peserta yang ditemui berkata, seminar ini berjaya membuka mata dan minda mereka berhubung pelbagai khasiat pemakanan minyak sawit dan kegunaannya dalam sektor makanan serta bukan makanan.

Selain seminar, maklumat berkenaan kebaikan minyak sawit juga disampaikan menerusi pameran MPOB.

Pengunjung juga mendapat manfaat berhubung penjelasan terperinci mengenai khasiat produk sawit terutama produk tokotrienol.

MPOB promosi sawit di AAOCS 2017



MPOB menyediakan ruang pameran untuk mempamerkan produk makanan dan bukan makanan berasaskan sawit pada AAOCS 2017 di Château Tanunda, Barossa Valley, Australia, baru-baru ini.

Oleh Subashini Nadras
subashini@mpob.gov.my

Barossa Valley: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mempromosi minyak sawit negara sempena Mesyuarat Australian Section of the American Oil Chemists' Society (AAOCS 2017) ke-10 yang berlangsung di Château Tanunda, Barossa Valley, Australia, baru-baru ini.

Mesyuarat dwitahunan yang berlangsung dari 11 hingga 14 September 2017 membabitkan sesi persidangan serta dua bengkel kerja yang berjaya menarik lebih 100 orang saintis, penyelidik dan wakil industri, terutama dari negara New Zealand dan Australia.

Sebanyak 32 kertas kerja berkaitan minyak sayuran dalam bahan makanan, lipodimik, bioteknologi, pembuatan produk makanan berasaskan lemak, penyelidikan pemakanan, analisis minyak makanan, perkembangan penyelidikan minyak omega-3 dan perkembangan terbaru dalam industri minyak dan lemak dibentangkan.

Penyelidik MPOB turut membentangkan dua kertas kerja berkaitan penyelidikan kesan kedudukan asid lemak sn-1,3 dalam triasilgliserol dan perkembangan penyelidikan

serta kemudahan proteomic serta metabolomic yang disediakan oleh Bahagian Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka (ABBC), MPOB untuk kepentingan penyelidikan minyak sawit Malaysia.

Sebagai Penaja Emas, MPOB telah disediakan ruang pameran untuk mempamerkan produk makanan dan bukan makanan berasaskan sawit.

Risalah berkaitan aplikasi dan kebaikan minyak sawit turut diedarkan bertujuan memaklumkan perkembangan terkini penyelidikan minyak sawit kepada peserta.

Pupuk hubungan kerjasama

Yang turut serta dalam pameran berkenaan ialah pembekal utama peralatan dan teknologi yang berkaitan dengan minyak dan lemak dan pengeluaran produk makanan.

Secara keseluruhannya, pembabitkan MPOB dalam AAOCS 2017 bukan sahaja mencapai objektifnya untuk meningkatkan imej minyak sawit Malaysia, malah ia berjaya memupuk hubungan kerjasama di antara MPOB dengan komuniti saintifik global. Bahkan, ia menjadi platform terbaik untuk meneroka potensi kerjasama bersama institusi penyelidikan terkemuka di Australia dan New Zealand.

Malaysia, Jepun jalin kerjasama dalam program biodiesel sawit

➔ Dua negara kongsi maklumat, data teknikal majukan industri

Oleh Nursyairah Abd Jalil
nursyairah@mpob.gov.my

► Bangi

Malaysia melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Pengeluar Automotif Jepun (JAMA) dari Jepun menjalin kerjasama sejak 2011 bagi perkongsian maklumat serta data teknikal penggunaan biodiesel dan adunannya pada enjin diesel.

Dalam satu pertemuan diadakan di sini, baru-baru ini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), MPOB dan JAMA turut mengadakan perbincangan bersama wakil Persatuan Automotif Malaysia (MAA) membabitkan wakil UMW Toyota, Hino dan Isuzu.

Delegasi JAMA diwakili Pengerusi Teknikal Jawatankuasa Minyak Diesel, Tomoaki Kakihara; Pe-

ngerusi Jawatankuasa Teknikal Minyak Pelincir, Hitoshi Hayashi dan Ketua JAMA di Singapura, Tadashi Toya.

Pada sesi perbincangan itu, MPOB membentangkan kertas kerja teknikal berhubung hasil pemantauan kualiti minyak biodiesel sawit (B100) dan adunan B7 bagi 2017.

Wakil JAMA juga membentangkan cadangan kajian usaha sama antara MPOB dan JAMA mengenai penggunaan adunan biodiesel sawit dengan diesel Euro5 lebih daripada 7 peratus pada enjin berteknologi tinggi seperti EuroV.

Kerjasama sejak 2011

Kerjasama MPOB dan JAMA terjalin sejak 2011 dengan perkongsian maklumat serta data teknikal penggunaan biodiesel dan adunannya pada enjin diesel. Program 'Pemantauan Bersama MPOB-JAMA' bagi kualiti minyak B7 di stesen minyak dan biodiesel sawit



Ahmad Farid (enam dari kiri) dan Dr Ahmad Parveez (empat dari kiri) bersama delegasi JAMA serta MAA.

(B100) daripada pengeluar biodiesel mula dijalankan pada tahun 2014 yang mana hasil pemantauan dibentangkan dan dikongsi bersama JAMA serta MAA setiap dua kali setahun.

MPOB melakukan pensampelan secara rawak di stesen minyak di seluruh Malaysia dan menganalisa sampel B7 untuk memeriksa empat parameter utama iaitu kandungan air, kestabilan pengoksidaan, kandungan biodiesel sawit dalam diesel serta nombor asid.

Bagi pemantauan B100, MPOB menganalisa data dua parameter utama iaitu kestabilan pengoksidaan dan kandungan monogliserida pada Certificates of Assurance (CoA) yang dikeluarkan pengeluar biodiesel bagi lori tangki bagi setiap penghantaran ke depoh petroleum.

Menerusi usaha sama ini, pihak JAMA pada Disember 2016 mengeluarkan kenyataan terkini mengenai sokongan bersyarat bagi penggunaan adunan biodiesel sawit sehingga 20 peratus (B20) untuk kenderaan diesel mematuhi pi-

waan pelepasan ekzos Euro4/IV dan ke bawah.

Perkembangan ini memberi keyakinan teknikal untuk Malaysia melaksanakan program B10 untuk sektor pengangkutan.

Kesulitan dihadapi untuk kajian enjin menggunakan biodiesel ialah tiada satu kajian enjin tunggal yang dapat memenuhi kehendak semua pengeluar kenderaan (OEM) disebabkan perbezaan sistem dan teknologi pengeluar kenderaan yang unik serta tersendiri.

Di Eropah dan Amerika Syarikat, kebanyakan kajian enjin berkaitan biodiesel dijalankan menggunakan biodiesel berasaskan minyak soya serta minyak sesawi yang kurang stabil berbanding dengan biodiesel daripada minyak sawit.

Ujian enjin sendiri

Penting bagi Malaysia menjalankan ujian enjin sendiri bagi menunjukkan kesesuaian adunan biodiesel sawit pada kadar adunan biodiesel yang lebih tinggi seperti B10 dan 15. Sehingga kini, tiada

kajian muktamad penggunaan biodiesel melebihi 7 peratus ada enjin berteknologi EuroV dilakukan.

Berikutan pegangan pasaran kenderaan berenjin diesel di Malaysia didominasi pengeluar kenderaan dari Jepun, MPOB mengambil inisiatif menjalankan kajian usaha sama dengan JAMA bertujuan mengumpul data teknikal yang akan menjadi penanda aras kebolehlaksanaan bagi Program B10 dan B15 di Malaysia pada masa depan yang fokus kepada enjin berteknologi EuroV.

JAMA mengalu-alukan projek usaha sama ini bersama MPOB untuk bersama-sama mendapatkan data teknikal muktamad. Kajian ini dijangka mengambil masa tiga tahun.

Delegasi JAMA turut dibawa melawat loji rintis biodiesel sawit dan makmal analisa bio bahan api berkaitan biodiesel yang terletak di Ibu Pejabat MPOB.

Loji rintis biodiesel sawit ini dibina pada tahun 1985 iaitu yang pertama di Malaysia dibangunkan oleh penyelidik MPOB.

Pupuk kesedaran khasiat sawit kepada warga sekolah

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Program Kesedaran dan Kajian Nutrisi yang diadakan secara bersiri di sekolah rendah bertujuan mendidik pelajar dan ibu bapa yang mempunyai persepsi negatif dengan minyak sawit dalam diet harian.

Menyedari hakikat salah anggapannya itu, MPOB mengambil inisiatif untuk memberi pencerahan kepada golongan ini supaya mempunyai pengetahuan dan pemahaman mantap mengenai kebaikan minyak sawit sebagai sumber lemak dalam diet seimbang, selain menggalakkan pelajar mengamalkan gaya hidup aktif.

MPOB sudah mengenal pasti se-

kolah di sekitar lingkungan 50 kilometer dari Ibu Pejabat MPOB yang berpotensi terabit dengan program julung kali diadakan ini.

Lebih 20 sekolah memberi maklum balas positif menyertai program itu yang diadakan secara berkala mengikut kelapangan pihak sekolah dan ibu bapa terabit.

Dedah informasi tepat

Menerusi program dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, pelajar dan ibu bapa di sekolah terpilih akan didedahkan dengan informasi tepat mengenai manfaat kebaikan pemilihan minyak sawit berbanding minyak sayuran lain melalui sesi taklimat oleh pegawai penyelidik MPOB.

Seramai 50 murid Tahun Empat dan Lima dipilih bagi satu sesi di sesebuah sekolah.

Ibu bapa dan pelajar yang menyertai program akan ditemu duga dengan soal selidik berkenaan rutin pengambilan makanan serta aktiviti fizikal yang diamalkan setiap hari.

Data itu akan dikumpul dan dianalisa bagi menentukan kelaziman obesiti dalam kalangan pelajar sekolah rendah serta hubung kait faktor peningkatan risiko sakit jantung dan lebihan berat badan.

Siri jelajah program yang membuka tirainya bermula Julai lalu itu, mengunjungi Sekolah Kebangsaan (SK) Bangi baru-baru ini dan menerima maklum balas positif daripada warga sekolah serta ibu bapa berkaitan kelebihan penggunaan minyak sawit.

"Selama ini saya kurang mengetahui mengenai khasiat minyak sawit, namun kini saya sedar mi-



Antara ibu bapa yang hadir pada program kajian nutrisi di SK Bangi.

nyak sawit mempunyai pelbagai khasiat bermanfaat dengan harga yang jauh lebih murah. Saya pasti akan bertukar kepada minyak sawit dalam masakan selepas ini," kata seorang ibu peserta program yang mengunjungi pameran MPOB disempena program berkenaan.

Pelajar dan ibu bapa yang hadir

seawal waktu pendaftaran bermula, jelas menunjukkan sambutan baik terhadap program itu.

MPOB akan terus komited menyebarkan maklumat tepat mengenai kebaikan dan kelebihan minyak sawit menerusi pelbagai medium termasuk mengadakan aktiviti di sekolah dan institusi pendidikan tinggi.

Jangan fitnah minyak sawit

➔ Fakta mengenai kebaikan minyak sawit mampu tepis pelabelan negatif produk makanan

Adalah penting bagi generasi masa depan kita supaya tidak mudah terpengaruh dengan perkara negatif dan berita palsu yang tersebar mengenai minyak sawit.

Masyarakat kita menyedari minyak sawit sedang digugat di Eropah. Ini termasuk tanggapan negatif mengenainya dalam kalangan pengguna di sana, yang kebanyakannya mudah terpengaruh dengan pelabelan negatif pada produk makanan.

Apa yang kita kurang sedari ialah pengaruh negatif sedemikian turut menular dalam kehidupan kita di sini. Jika pergi membeli-belah pada hari ini, kita boleh melihat ancaman sama di atas rak pasar raya kita atau di kedai tempatan lain.

Kita semua bertanggungjawab memantau syarikat yang merendahkan kepentingan negara kita melalui cara ini dan dengan sengaja memperlekehkan minyak sawit yang juga tonggak utama ekonomi Malaysia.

Ini penting kerana sektor minyak sawit adalah satu daripada pencapaian Malaysia yang hebat dan menyumbang kepada eksport terbesar kita.

Berjuta-juta rakyat kita bergantung pada tanaman sawit untuk menampung kehidupan, serta menyediakan kehidupan lebih baik untuk anak mereka. Banyak kawasan luar bandar dahulunya mundur berubah menjadi makmur dan produktif dengan penanaman sawit.

Untuk sektor ini terus mengecapi kejayaan dan berkembang, gene-



Produk jenama Lurpak yang meletakkan label 'tanpa minyak sawit' dianggap mendiskriminasi minyak sawit negara.

rasi masa depan perlu dididik supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan perkara negatif dan berita palsu mengenai minyak sawit yang tersebar di luar negara.

Satu contoh terkini ialah pengiklanan 'Tiada Minyak Sawit' atau pelabelan yang sama pada produk makanan yang kebiasaannya digunakan untuk mempromosikan minyak sayuran saingan.

Pengiklanan sebegini menjejaskan imej minyak sawit di Eropah dan ia tidak mustahil akan berlaku di Malaysia, kecuali jika kita sentiasa berwaspada serta mengambil tindakan mengenainya dengan cepat.

Kongsi fakta minyak sawit

Pertama, kita mesti fokus pada pendidikan. Generasi baharu perlu diberi maklumat dan fakta mengenai kebaikan, serta sumbangan minyak sawit supaya mereka mempunyai pengetahuan dan pemahaman mendalam untuk menangkis tuduhan tidak benar berkenaan minyak sawit dan industrinya. Ini tanggungjawab kita semua termasuk kerajaan, industri, media, ibu bapa dan sebagainya.

Jika kita bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing dalam mendidik anak muda kita, nescaya penghargaan terhadap manfaat minyak sawit dapat diturunkan dari generasi ke generasi.

Sebagai contoh, baru-baru ini, saya bertemu sekumpulan penyelidik dari Amerika Syarikat yang sedang mengkaji dan mencipta sejenis ubat untuk melawan penyakit Alzheimer. Komponen utama digunakan dalam ubat ini ialah minyak isirung sawit.

Bagaimanapun, pendidikan semata-mata tidak mencukupi. Label sebegini yang mula muncul di pasar raya di Malaysia atau dalam talian, menjadi ancaman serius yang tidak boleh diterima ke atas industri terpenting kita.

Kita mesti mengkaji dengan teliti apakah langkah proaktif boleh diambil, sama ada melalui tindakan pengguna untuk memberi isyarat kepada syarikat terbabit atau tindakan kerajaan dalam menangani isu ini daripada akar umbi.

Kesan negatif label produk

Jenama Lurpak dari Denmark adalah contoh terdekat. Produk keluaran jenama ini memaparkan label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit'.

Syarikat induk kepada jenama

Lurpak adalah antara anggota Perisidangan Meja Bulat Minyak Sawit Mampam (RSPO).

Satu daripada peraturan RSPO ialah komitmen daripada setiap anggotanya untuk tidak mengencilkan atau menjejaskan pengeluaran minyak sawit mampam.

Pembungkusan produk di bawah jenama Lurpak adalah satu cubaan jelas bertujuan menjejaskan dan mengkritik minyak sawit Malaysia, malah secara terbuka mempromosikan minyak sayuran saingan.

Ini bukan kali pertama syarikat anggota RSPO didapati memperlekehkan minyak sawit. Pasar raya terkenal di Perancis, Casino turut menggunakan label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' selama bertahun-tahun ketika ia menjadi ahli RSPO.

Reaksi daripada RSPO nyata tidak mencukupi dan tidak berkesan. Syarikat seperti Lurpak didapati terus memperlekehkan minyak sawit termasuk di Malaysia.

Syarikat ini mungkin berpendapat label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' bukan satu tindakan menyalahi undang-undang. Malah, formula dalam menghasilkan sesuatu produk adalah hak mutlak mereka. Secara teknikalnya, mereka mungkin tidak melanggar sebarang peraturan RSPO.

Bagaimanapun, alasan teknikal sebegini tidak boleh diterima untuk menghalalkan tindakan mereka.

Syarikat ini sebenarnya bersebelahan di sebalik RSPO untuk membolehkan mereka terus melancarkan kempen anti minyak sawit.

Jika RSPO benar-benar serius mempertahankan imej minyak sawit, ia mesti bertindak segera dengan merobohkan perisai ini. Kementerian saya berpendapat isu label sebegini melangkaui persoalan teknikal.

Syarikat seperti Lurpak sudah membuat pilihan sendiri untuk memasuki pasaran Malaysia dan mereka berusaha membina kepercayaan daripada masyarakat Malaysia terhadap produk mereka.

Ini bermakna mereka mempunyai tanggungjawab yang lebih luas dari sudut teknikal yang mana sebarang tindakan mereka mesti berpaksikan pada ciri semangat atau niat yang betul.

Tanggungjawab etika mesti seiring dengan tanggungjawab un-

dang-undang. Adakah ia beretika untuk seseorang syarikat yang beroperasi di Malaysia memperlekehkan minyak sawit, apabila lebih daripada sejuta rakyat Malaysia, termasuk 650,000 pekebun kecil sawit bergantung kepadanya untuk mata pencarian? Jawapan saya adalah tidak.

Perlu diingat, kita mengalu-alukan kedatangan sebahagian besar syarikat seperti Lurpak ke Malaysia. Mereka menyediakan produk dan perkhidmatan yang kita mahu dan diperlukan rakyat Malaysia.

Kebanyakan syarikat ini mematuhi undang-undang dan dihormati, namun kita mesti bertegas dalam hal tertentu. Sama seperti kita mengalu-alukan dan memuji majoriti daripada mereka yang berkelakuan baik, kita mesti berani mengutuk mereka yang cuba memperlekehkan Malaysia.

Ambil tindakan tegas

Dalam isu ini, kerajaan menegaskan ia akan mempertahankan hak petani kecil sawit kita daripada sebarang bentuk tindakan diskriminasi pihak asing.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sudah mengumumkan kerajaan akan mengambil tindakan balas terhadap mana-mana negara mendiskriminasi minyak sawit serta produknya.

Jadi, kita mesti sentiasa berwaspada sepanjang masa, tidak kira di mana kita berada. Sebarang tindakan diskriminasi yang tidak adil atau tidak sah oleh mana-mana syarikat asing yang beroperasi dalam negara kita tidak boleh diabaikan.

Kepada syarikat yang masih berdegil untuk terus memperlekehkan minyak sawit, nasihat saya adalah mudah, berhenti berbuat demikian dan berinteraksi dengan pihak kami dalam menangani masalah anda secara ikhlas.

(Artikel ini disunting daripada artikel asal bertajuk 'No Denigration of Palm Oil' oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Datuk Seri Mah Siew Keong, untuk kolom "Palm Voices" dalam akhbar The Star terbitan 16 September 2017)



Industri sawit mampan jamin kualiti minyak sawit

Dalam dunia serba moden masa kini, Malaysia merupakan antara negara terbesar yang mengeksport sawit ke pasaran dunia.

Sebahagian amalan perladangan yang baik juga diamalkan dalam industri sawit seperti tiada lagi amalan pembakaran, mengekalkan tumbuhan menjalar, mengelakkan pemampatan tanah, pengurusan sisa buangan dan tandan kosong.

Hal seumpama ini seterusnya dapat mengekalkan kesuburan tanah dan sekali gus membantu peningkatan hasil minyak sawit negara.

Memang tidak dapat disangkal bahawa penggunaan minyak sawit di Malaysia semakin meningkat dari semasa ke semasa. Pencapaian ini adalah hasil peningkatan produktiviti dan amalan mentransformasikan ladang sawit dengan mempercepatkan penanaman semula pokok sawit matang, di samping melaksanakan kawalan kualiti yang ketat bagi meningkatkan pengekstrakan minyak dan membangunkan kemudahan biogas di kilang memproses sawit.

Pertumbuhan pesat industri sawit juga dapat dilihat di peringkat industri hiliran dengan penghasilan pelbagai produk daripada sawit termasuk produk makanan dan produk bukan makanan seperti kosmetik, produk bijisim dan biodiesel sawit.

Bagi menghasilkan produk sawit yang berkualiti, amalan penanaman dan pengurusan sawit secara mampan adalah langkah yang dipraktikkan oleh penggiat industri sawit



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nurfatihah Mat Alias
SMK Putrajaya Presint 16 (1), Putrajaya



Pertumbuhan pesat industri sawit juga dapat dilihat di peringkat industri hiliran dengan penghasilan pelbagai produk daripada sawit termasuk produk makanan dan produk bukan makanan seperti kosmetik, produk bijisim dan biodiesel sawit"

negara.

Amalan sawit mampan bukan sahaja berupaya menghasilkan minyak sawit yang berkualiti tetapi ia dijamin selamat dimakan dan akan diterima di pasaran antarabangsa.

Sejajar dengan permintaan minyak sawit mampan di pasaran antarabangsa, kerajaan Malaysia memperkenalkan skim pensijilan bagi memastikan minyak sawit yang dihasilkan di negara ini adalah mampan.

Kerajaan melalui MPOB memperkenalkan pelbagai skim pensijilan seperti Kod Amalan Baik (CoP) dan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). MSPO pada masa ini dilaksanakan secara sukarela sejak diperkenalkan pada 2015 dan akan menjadi mandatori menjelang akhir tahun 2019.

Ini bermakna pada tahun 2020, industri sawit sepenuhnya akan dipersijilkan dengan MSPO. Pensijilan MSPO ini bukan sahaja menjamin pengeluaran minyak sawit berkualiti tetapi ia juga menjenamakan semula minyak sawit Malaysia menjadi minyak sawit berkelas premium.

Secara konklusinya, industri sawit mampan bukan sahaja menjamin kualiti minyak sawit yang tinggi tetapi ia juga mengandungi elemen-elemen mesra alam yang akan menjamin keselamatan alam sekitar. Penggunaan teknologi dalam pelbagai rangkaian penghasilan minyak sawit juga akan mampu mengangkat minyak sawit Malaysia agar terus diterima pengguna di peringkat global.

Amalan mampan dalam industri sawit jadi teras peningkatan penggunaan minyak sawit

Penghasilan minyak sawit dan produk sawit yang berkualiti, selamat dan bernilai premium di pasaran antarabangsa kesan daripada konsistensi amalan mampan dalam industri sawit Malaysia mampu meningkatkan penggunaan minyak sawit pada peringkat global dan juga negara bangsa.

Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) yang memberi fokus kepada sektor perladangan, pekebun kecil dan kilang minyak sawit adalah sejajar dengan usaha penjenamaan minyak sawit Malaysia bagi mempertingkatkan penggunaan pasaran minyak sawit secara global.

Menjelang akhir tahun 2019, hampir 650,000 pekebun kecil seluruh negara yang melibatkan keluasan melebihi 2 juta hektar perlu memperoleh sijil MSPO. Sehubungan itu, kerajaan cakna dengan situasi pekebun kecil, justeru pensijilan MSPO diberikan secara percuma kepada pekebun kecil. Insentif kerajaan ini dijangka dapat mengurangkan beban kewangan pekebun kecil bagi menampung yuran pengauditan pensijilan MSPO.

Usaha kerajaan bagi memastikan pelaksanaan pensijilan MSPO di bawah tanggungjawab Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) harus dipuji, di mana pihak kementerian giat menganjurkan 'roadshow' khas untuk memberi penerangan kepada pekebun kecil mengenai kepentingan memiliki sijil MSPO



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Syafiqah Najlaa Aqilah Salleh
Rawang, Selangor

bagi meningkatkan pendapatan dan pembangunan mampan industri sawit negara.

Jalinan kerjasama antara MPOB dan Kementerian Luar Negeri (KLN) melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia menghasilkan satu program tahunan iaitu Program Suai Kenal Industri Sawit. Objektifnya ialah untuk menyediakan ruang interaksi dengan penggiat industri minyak dan lemak serta pengguna minyak sawit seluruh dunia, seterusnya membawa kepada penggunaan minyak sawit secara menyeluruh.

Misalnya, banyak pengisian sepanjang program tersebut yang dikongsi oleh peserta POFPP disamping berpeluang meninjau operasi industri dan kemajuan bidang penyelidikan melalui siri lawatan ke ladang, kilang dan makmal. Amalan mampan inilah yang membantu menyebarkan maklumat sahih mengenai kemajuan industri sawit dan keistimewaan minyak sawit yang mengandungi pelbagai khasiat seperti Fitonutrien yang kaya Vitamin A dan E.

Selain itu, umum juga mengetahui dengan baiknya bahawa sawit adalah tanaman yang paling produktif, pelbagai guna, kos efektif dan dibangunkan secara mampan. Industri sawit juga mampu menjadi tunggak ekonomi Malaysia yang memberi peluang kepada lebih 4 juta orang termasuk pekebun kecil.

Penggunaan sawit terus dipelbagaikan antaranya dalam sektor biodiesel sawit dimana ianya dilihat sebagai langkah tambah nilai dalam menyokong Dasar Biobahan Api Negara. Kerajaan terus komited menyokong penyelidikan dengan menyediakan geran untuk industri sawit dan hiliran.

Dasar Bio Bahan Api Negara (Mational Biofuel Policy - BNP) adalah penting kerana ia menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang mesra alam, lestari dan berdaya maju untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan bakar fosil.

Justeru, ianya mampu meningkatkan permintaan untuk minyak sawit dan ini mampu meningkatkan kesejahteraan semua pihak berkepentingan dalam industri pertanian dan komoditi berdasarkan harga yang stabil.

Konklusinya, amalan mampan dalam industri sawit menjadi teras peningkatan penggunaan minyak sawit seperti yang telah dibincangkan. Ternyata industri sawit mampan mampu menjamin kualiti minyak sawit negara. Justeru, semua pihak haruslah berganding bahu untuk menjana perubahan industri sawit.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN OKTOBER 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Pensijilan MSPO jamin penghasilan minyak sawit berkualiti. Bincangkan".

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Pensijilan MSPO jamin minyak sawit Malaysia diiktiraf pasaran global. Bincangkan".

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima:
 ◎ Hadiah Pertama : **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua : **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga : **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan NOVEMBER 2017 akan datang.

KEPUTUSAN PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN SEPTEMBER 2017

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nurfatihah Mat Alias
SMK Putrajaya Presint 16 (1)
Putrajaya

Hadiah Kedua
Nur Afiqah Aziz
SMK Putrajaya Presint 14-1
Putrajaya

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Syafiqah Najlaa Aqilah Salleh
Rawang, Selangor

Hadiah Kedua
Alia Najiha Ahmad Ridzuan
Gombak, Kuala Lumpur

Hadiah Ketiga
Hasnah Md Seh
Labis, Johor

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolahmenengah tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei di antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, alamat email (jika ada) nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 20 Oktober 2017.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong bersama Menteri Perdagangan dan Industri India, Suresh Prabhu ketika mesyuarat dua hala menteri kedua-dua negara di Mumbai, India baru-baru ini.



Datuk Seri Mah Siew Keong beramah mesra dengan wakil syarikat perladangan sawit yang menyertai sesi dialog bagi membincangkan pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri).



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur (tengah) merasmikan Seminar Keperluan Latihan Kemahiran Dalam Memperkasa Modal Insan Sektor Komoditi Sawit Negeri Sarawak di Saratok.



Datuk Seri Mah Siew Keong mencuba alat penuai buah sawit bermotor atau Cantas ketika lawatan ke kebun sawit milik pekebun kecil yang menjadi ahli Kelompok Sawit Mampan (SPOC) Hilir Perak di Teluk Intan, Perak.



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur bersama Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong memotong riben sebagai simbolik perasmian Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Lawas, Sarawak.

